



Universiti  
Malaysia  
**PAHANG**  
Engineering • Technology • Creativity

MAJLIS  
**ANUGERAH  
PERKHIDMATAN  
CEMERLANG  
DAN  
JASA DIKENANG  
2008**

**6 JUN 2008 (JUMAAT)  
DEWAN BANKUET,  
KOMPLEKS PENTADBIRAN UTAMA,  
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**





## Visi

Menjadi universiti teknikal berteraskan kompetensi bertaraf dunia.

## Misi

Kami menyediakan pendidikan teknikal berkualiti tinggi melangkaui kehendak pihak berkepentingan dengan menawarkan program akademik yang cemerlang melalui persekitaran kondusif bagi menggalakkan kreativiti dan inovasi.

## Falsafah

Ilmu adalah amanah Allah kepada manusia sebagai khalifah di muka bumi untuk dimanfaatkan. Penekanan terhadap ilmu gunaan dan aplikasinya yang dimiliki oleh peribadi contoh berupaya melahirkan insan yang akan menyumbang ke arah keharmonian dan kemakmuran sejagat.

## Nilai Teras

- Hubungan yang kuat dengan Yang Maha Pencipta.
- Teguh dalam mempertahankan prinsip yang disepakati.
- Kreatif dalam membuat keputusan yang bijaksana.
- Cekal dalam menghadapi cabaran.
- Proaktif dalam tindakan.



# Kata Alu-Aluan Naib Canselor

Assalamualaikum wbt dan salam sejahtera.

Saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk merakamkan sepatah dua kata aluan dalam buku ini sempena Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Jasa Dikenang 2008 Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Kecemerlangan UMP sebagai sebuah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) amat bergantung kepada kualiti warga kerja yang memacu operasi institusi ini. Untuk merealisasikan visi universiti ini sebagai universiti teknikal berteraskan kompetensi bertaraf dunia, warga kerjanya seharusnya berupaya menghayati prinsip-prinsip yang telah digariskan dalam Nilai Teras UMP.


Prinsip-prinsip yang terkandung dalam Nilai Teras UMP adalah pedoman yang memandu kita sekalian untuk bergerak senada dan seirama dengan aspirasi Kerajaan amnya dan Kementerian Pengajian Tinggi khususnya. Justeru, saya percaya bahawa melalui amalan kerja yang didasarkan kepada nilai (*values-based*), difokuskan kepada strategi (*strategy-focused*) dan dipandu oleh *Key Performance Indicators (KPIs-driven)*, warga kerja UMP mampu memacu universiti ini ke arah kecemerlangan.

Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada warga kerja UMP yang telah terpilih untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2007. Anugerah yang diterima ini adalah pengiktirafan universiti kepada pegawai dan staf yang telah memperlihatkan kualiti kerja yang tinggi dan menyumbang ke arah kecemerlangan universiti. Semoga kejayaan ini menjadi inspirasi kepada warga kerja UMP yang lain untuk meningkatkan prestasi dan kualiti.

Sekian, terima kasih salam hormat.



**PROFESOR DATO' DR. DAING NASIR IBRAHIM**  
Naib Canselor  
Universiti Malaysia Pahang






# Kata Alu-Aluan Pendaftar

Assalamualaikum wbt dan selamat sejahtera.

Pengiktirafan dan penghargaan merupakan suatu motivasi yang mendorong staf meningkatkan prestasi perkhidmatan yang berkualiti. Antara usaha-usaha yang telah dijalankan bagi memberikan penghargaan ini ialah menerusi pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang. Perkhidmatan cemerlang adalah merupakan perkhidmatan yang diberikan oleh seseorang staf yang mutu atau penghasilannya melebihi daripada keperluan tanggungjawab biasa bagi jawatannya. Perkhidmatan yang diberikan boleh dijadikan contoh dan ikutan serta memberi pengaruh yang menggerakkan kecergasan bekerja dan daya usaha staf yang lain.



Kecemerlangan perkhidmatan staf yang berkualiti menjurus kepada pencapaian misi dan visi UMP. Staf yang menerima anugerah hendaklah terus mengekal dan menerapkan budaya kerja cemerlang dalam segala usaha yang dilaksanakannya. Kejayaan mereka ini menjadi cabaran dan dorongan kepada staf lain untuk meningkatkan prestasi dan mutu perkhidmatan masing-masing. Biarpun hanya sebahagian sahaja staf yang menerima anugerah, ini tidak bermakna bahawa universiti tidak mengiktiraf dan menghargai segala sumbangan idea dan tenaga staf yang lain.

Majlis yang dianjurkan ini juga adalah sebagai tanda penghargaan dan ucapan terima kasih atas segala jasa, bakti dan kesetiaan semua warga UMP bersama-sama memajukan universiti pada tahap yang dibanggakan.

Akhir kata, saya mengucapkan tahniah kepada para penerima anugerah pada hari ini. Kepada staf yang tidak terpilih, jadikanlah ia sebagai satu dorongan untuk mencapai kejayaan di masa hadapan. Tidak lupa juga ucapan terima kasih dan penghargaan khususnya kepada semua pihak yang telah berusaha menjayakan majlis ini.

Sekian. Selamat maju jaya.

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'Mustafa'.

**Haji Mustafa bin Ibrahim**  
**Pendaftar**  
**Universiti Malaysia Pahang**



# Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

## Latar Belakang

Penganugerahan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang ini adalah selaras dengan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 tahun 2002. Ianya merupakan satu pengiktirafan kepada staf yang menunjukkan prestasi yang cemerlang pada sepanjang tahun yang dinilai. Anugerah ini terbuka kepada staf tetap sahaja dan telah genap setahun penuh perkhidmatan pada hari terakhir penilaian dengan mendapat markah penilaian prestasi sekurang-kurangnya 85 peratus. Pemilihan dilakukan oleh Panel Pembangunan Sumber Manusia.

## Objektif

Objektif penganugerahan adalah untuk:

1. Menghargai sumbangan cemerlang yang diberikan oleh staf;
2. Menjadi contoh kepada staf lain; dan
3. Menanam budaya kerja cemerlang.

## Insentif dan Hadiah

1. Sijil Perkhidmatan Cemerlang;
2. Hadiah prestasi sebanyak RM1,000.00; dan
3. Hadiah iringan.

# Majlis Jasa Dikenang

## Latar Belakang

Majlis ini adalah merupakan manifestasi tanda penghormatan, penghargaan, ingatan dan tanda kasih kita kepada pegawai yang akan bersara wajib. Ianya juga menjadi wadah untuk memupuk semangat *esprit de corps* dan *team working* serta meningkatkan keakraban hubungan silaturahim di kalangan warga kerja UMP.

UMP mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas sumbangan Tuan Haji Samsudin bin Abdullah, Pensyarah Universiti Gred DS52 yang akan bersara pada 22 Jun 2008 ini.



# Atur Cara

- 9:30 pagi
  - Staf Mengambil Tempat
  - Ketibaan Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim
- 10:00 pagi
  - Bacaan Doa oleh Ustaz Hazmi bin Dibok
- 10:10 pagi
  - Ucapan Alu-Aluan Pendaftar Universiti Malaysia Pahang, Yang Berbahagia Tuan Haji Mustafa bin Ibrahim
- 10:30 pagi
  - Ucapan Alu-Aluan Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang, Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim
- 10:50 pagi
  - Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
  - Penyampaian Jasa Dikenang
  - Ucapan Tuan Haji Samsudin bin Abdullah
- 12:00 tengah hari
  - Jamuan Tengah Hari
  - Majlis Bersurai



# SENARAI PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2007

0008  
Prof. Madya Shaikh Nasir bin Shaikh Ab Rahman  
Profesor Madya (DS54)  
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik



0079  
Nursyailhan bin Ab Halim  
Pegawai Kewangan (W41)  
Jabatan Bendahari



0009  
Azhar bin Wahab  
Pembantu Perpustakaan (S22)  
Perpustakaan



0093  
Amiza binti Mohd Arshad  
Pembantu Tadbir (S/U) (N17)  
Pejabat Naib Canselor



0018  
Safinaz binti Hj. Mohd Sharif  
Pembantu Tadbir (S/U) (N22)  
Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa



0104  
Norshuhada binti Muhd Nordin  
Pegawai Teknologi Maklumat (F41)  
Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi



0021  
Tuan Zairani binti Tuan Ab Rahman  
Pembantu Tadbir (P/O) (N22)  
Jabatan Penyelidikan & Inovasi



0109  
Mohd Hanafiah bin Ahmad  
Pensyarah Universiti (DS45)  
Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi



0028  
Aini binti Ahmad  
Pensyarah Universiti (DS45)  
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan



0111  
Nur Zaila binti Md. Masror  
Pembantu Tadbir (Kewangan) (W17)  
Jabatan Bendahari



0036  
Noor Azhar bin Abd Rasid  
Pembantu Makmal (C17)  
Pejabat Naib Canselor



0113  
Jusoh bin Said  
Pemandu Kenderaan (R3)  
Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta



0040  
Asmadi bin Ahmad  
Pembantu Perpustakaan (S17)  
Perpustakaan



0117  
Mazni binti Ismail  
Pensyarah Universiti (DS45)  
Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli



0058  
Mohd Zuki bin Salleh  
Pensyarah Universiti (DS45)  
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal



0156  
Noor Raha binti Mohd Radzuan  
Pensyarah Universiti (DS45)  
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan



0063  
Azma binti Abdullah  
Pensyarah Universiti (DS45)  
Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian



0168  
Sharmiza binti Abdullah  
Penolong Pegawai Tadbir (N27)  
Jabatan Pendaftaran





# SENARAI PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2007

0191  
Mohd Zuwairi bin Musa  
Pembantu Teknik (J29)  
Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta



0311  
Hamidi bin Sudin  
Jurutera (J41)  
Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta



0245  
Saharudin bin Ramli  
Pegawai Tadbir (N41)  
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni



0321  
Helmi bin Mohamed Isa  
Pegawai Tadbir (N41)  
Jabatan Penyelidikan & Inovasi



0254  
Hishamuddin bin Ishak  
Penolong Akauntan (W27)  
Jabatan Bendahari



0324  
Masmullaai bin Jarjis  
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (F29)  
Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi



0265  
Hairul Muazammil bin Ismail  
Penolong Pegawai Latihan Vokasional (J29)  
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik



0333  
Mohd Tahar bin Husin  
Pembantu Teknik (J29)  
Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta



0266  
Zuridan bin Mohd Daud  
Pensyarah Universiti (DS45)  
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan



0358  
Khairul Azha bin A Jalal  
Penolong Pegawai Latihan Vokasional (J29)  
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal



0275  
Kamariah binti Gono  
Pustakawan (S41)  
Perpustakaan



0359  
Pauzi bin Husain  
Pemandu Kenderaan (R3)  
Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta



0295  
Siti Sarah binti Abd Jalil  
Penolong Pegawai Latihan Vokasional (J29)  
Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam



0363  
Azlyna binti Senawi  
Pensyarah Universiti (DS45)  
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal



0299  
Ramle bin Abid  
Pensyarah Universiti (DS45)  
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan



0367  
Mohd Ruzaimi bin Mat Rejab  
Pensyarah Universiti (DS45)  
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal



0309  
Roslavi bin Mat Jusoh  
Pegawai Tadbir (N41)  
Bahagian Pengurusan Akademik



0374  
Suryanti binti Awang  
Pensyarah Universiti (DS45)  
Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian





# SENARAI PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2007

0376  
Muhammad Hairynizam bin Muhd Taib  
Pegawal Latihan Vokasional (J41)  
Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli



0419  
Shaharui Anuar bin Ismail  
Pembantu Am Pejabat (N1)  
Jabatan Pendaftaran

0382  
Amran bin Abdul Haqi  
Pensyarah Universiti (DS45)  
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik



0421  
Anida binti Abdullah  
Penolong Pegawai Tadbir (N27)  
Jabatan Pendaftaran

0386  
Rusli bin Ghani  
Pegawal Latihan Vokasional (J41)  
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal



0432  
Emie Nurazlin binti Lizam  
Pegawai Tadbir (N41)  
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan

0389  
Juliana binti Mohd Ali  
Pegawal Tadbir (N41)  
Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian



0434  
Zainab binti Daud  
Pembantu Tadbir (S/U) (N17)  
Perpustakaan

0390  
Saiful Bahri bin Ahmad Bakarim  
Pegawal Tadbir (N41)  
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal



0435  
Norasman bin Othman  
Pensyarah Universiti (DS45)  
Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam

0393  
Shahrul Aidey bin Mohammed  
Penolong Pegawai Latihan Vokasional (J29)  
Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam



0442  
Suyani binti Ramlan  
Pembantu Tadbir (P/O) (N17)  
Jabatan Pendaftaran

0398  
Noraini binti Hamzah  
Penolong Pengurus Asrama (N27)  
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni



0446  
Mohd Narawi bin Hassan  
Penolong Pegawai Tadbir (N27)  
Bahagian Pengurusan Akademik

0406  
Wan Norazizah binti Majid  
Pengurus Asrama (N41)  
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni



0447  
Zainal bin Gimam  
Penolong Pegawai Latihan Vokasional (J29)  
Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli

0409  
Nor Salwana binti Hj. Mohammad Idris  
Penolong Pegawai Tadbir (N27)  
Jabatan Pendaftaran



0451  
Noraini binti Md Zamri  
Pembantu Tadbir (P/O) (N17)  
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik



# SENARAI PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2007

0452  
Jasminah binti Adnan  
Pembantu Tadbir (P/O) (N17)  
Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli



0501  
Mohamad Idris bin Ali  
Pensyarah Universiti (DS45)  
Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam



0455  
Fauziah binti Sabli  
Pembantu Tadbir (P/O) (N17)  
Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian



0504  
Ahmad Fadly bin Ibrahim  
Penolong Pegawai Tadbir (N27)  
Jabatan Pendaftaran



0462  
Lily Azwati binti Ab. Latip  
Pegawai Tadbir (N41)  
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik



0509  
Mohd. Fitry bin Awang Samah  
Pekerja Awam Khas (R6)  
Jabatan Pembangunan & Pengurusan Harta



0464  
Ayib Rosdi bin Zainun  
Pensyarah Universiti (DS45)  
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik



0532  
Ruzinah binti Isha  
Pensyarah Universiti (DS45)  
Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli



0469  
Rozana binti Sahadan  
Penolong Pegawai Tadbir (N27)  
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni



0574  
Aman Shah bin Muhammad Shah  
Juruteknik Komputer (FT17)  
Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi



0479  
Wan Salwanis binti Wan Md Zain  
Pensyarah Universiti (DS45)  
Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli



0581  
Zulkifly bin Jemaat  
Pensyarah Universiti (DS45)  
Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli



0483  
Syahrulnaim bin Mohamad Nawi  
Pegawai Latihan Vokasional (J41)  
Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik



0600  
Yusmadli bin Norashid  
Pegawai Tadbir (N41)  
Jabatan Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa



0484  
Yuhani binti Yusof  
Pensyarah Universiti (DS45)  
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal



0605  
Nadzariah binti Mohamed  
Pegawai Tadbir (N41)  
Pejabat Naib Canselor



0492  
Mohd Ghani bin Awang  
Pensyarah Universiti (DS52)  
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan





# HAJI SAMSUDIN BIN ABDULLAH

Haji Samsudin bin Abdullah telah dilahirkan pada 22 Jun 1952. Beliau dibesarkan di Besut, Terengganu dan mendapat pendidikan awal di Sekolah Alam Shah, Selangor bermula dari tahun 1968 sehingga 1971. Beliau seterusnya menyambung pengajian peringkat Sarjana Muda dalam bidang Matematik di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sehingga tahun 1975.



Setelah tamat pengajiannya di UKM, beliau telah dilantik sebagai Penolong Pensyarah mulai 10 November 1975 di Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Pada 14 Mei 1977, beliau telah mendirikan rumahtangga dengan isteri tercinta iaitu Puan Siti Aishah binti Mahamad. Beliau telah dikurniakan dengan empat anak lelaki dan seorang anak perempuan iaitu yang sulung berumur 30 tahun dan yang bongsu 17 tahun. Percaya pada konsep menimba ilmu tanpa mengira usia, beliau telah mengambil inisiatif untuk membangunkan kerjaya

beliau dengan melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana dalam bidang Matematik di Cranfield Institute of Technology, United Kingdom. Sekembalinya ke Malaysia, beliau meneruskan khidmat di UTM Kuala Lumpur sebelum berpindah ke UTM Skudai pada tahun 1988.

Selama lebih kurang 13 tahun menabur bakti di UTM Skudai, beliau telah diamanahkan untuk memegang jawatan sebagai Ketua Jabatan Matematik Fakulti Sains pada tahun 1990, kemudiannya dilantik menjadi Ketua Jabatan Program Luar Fakulti Sains, UTM pada tahun 2000. Setahun kemudian, beliau telah berpindah ke UTM Cawangan Pahang yang seterusnya bertukar nama kepada Kolej Universiti Kejuruteraan & Teknologi Malaysia (KUKTEM) pada tahun 2003 dan kini dikenali sebagai Universiti Malaysia Pahang (UMP). Semasa di UMP, beliau telah dilantik sebagai Dekan Pusat Pengajian Prasiswazah mulai tahun 2005 sehingga 2007. Pada 1 Oktober 2006, beliau telah dinaikkan pangkat kepada Pensyarah Kanan.

Beliau diibaratkan seperti sebutir mutiara yang akan terus bersinar dengan kemahiran dan ilmu yang dimiliki di samping rekod perkhidmatan yang diiktiraf cemerlang di mana beliau telah menerima Anugerah Jasa Bakti pada tahun 1995 dan seterusnya dianugerahkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2003.



# *Sekalung Budi*

Universiti Malaysia Pahang (UMP)  
dengan segala sukacitanya  
merakamkan setinggi-tinggi  
penghargaan kepada semua  
pihak yang terlibat dalam  
menjayakan majlis ini.